

SOALAN NO. 50**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN GOBIND SINGH
DEO [PUCHONG]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2017

SOALAN :

YB Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status siasatan dalam kes 1MDB memandangkan Ketua Polis Negara telah pun pada 12.04.2017 menyatakan bahawa kertas siasatan telah pun siap dan dihantar ke Jabatan Peguam Malaysia. Nyatakan kenapa wujudnya kelewatan dalam menyiapkan kes ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyiasatan lanjut berhubung dengan kes 1MDB sedang dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia berdasarkan arahan Peguam Negara pada 24 Oktober 2017. Oleh sebab siasatan masih dijalankan, maka apa-apa pendedahan mengenai butiran siasatan boleh menjejaskan dan memprejudiskan usaha siasatan yang sedang dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia dan perkara ini perlulah dihormati oleh semua pihak.

Sekian, terima kasih.